

ENTECA TABLETS

Entecavir 0.5 mg and 1 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Enteca Tablets
2. Bagaimana Enteca Tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan Enteca Tablets
4. Cara menggunakan Enteca Tablets
5. Semasa menggunakan Enteca Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Enteca Tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Enteca Tablets

Enteca Tablet digunakan untuk rawatan jangkitan jangka panjang (kronik) virus hepatitis B di kalangan orang dewasa dengan bukti replikasi virus aktif.

Bagaimana Enteca Tablets berfungsi

Enteca Tablets mengandungi bahan aktif, Entecavir yang mempunyai aktiviti yang kuat untuk melawan virus hepatitis B (HBV). Dengan ini, Enteca Tablets membantu mengurangkan bilangan virus hepatitis B dalam badan anda

Sebelum menggunakan Enteca Tablets

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Enteca Tablets jika:

- Anda mempunyai hipersensitiviti pada Entecavir atau mana-mana bahan lain dalam Enteca Tablets.
- Anda ialah pesakit HIV / HBV tetapi tidak menerima terapi antiretroviral yang sangat aktif (HAART).

Jangan ambil Enteca Tablets jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung, melainkan dianggap penting oleh doktor.

Jangan ambil Enteca Tablets jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Enteca Tablets tidak digalakkan untuk kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.

- Sebelum menggunakannya

Memaklumkan dan berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika:

- anda mempunyai masalah buah pinggang
- anda pernah menerima pemindahan hati
- hati anda tidak berfungsi dengan baik
- anda mempunyai sebarang alahan atau masalah kesihatan yang lain

Doktor anda akan menentukan sama ada Enteca Tablets sesuai untuk anda atau tidak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Doktor atau ahli farmasi anda akan memberi nasihat sama ada anda boleh mengambil Enteca Tablets bersama-sama dengan ubat yang lain.

Cara menggunakan Enteca Tablets

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa mengambil ubat ini betul-betul seperti doktor atau ahli farmasi anda telah memberitahu anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti. Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai berdasarkan keadaan anda.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Enteca Tablets perlu diambil semasa perut kosong melainkan jika dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaa ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Enteca Tablets

- Perkara yang perlu digunakan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Enteca Tablets dengan makanan kecuali dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi

Jangan menyusukan anak jika anda mengambil Enteca Tablets.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Terapi dengan Enteca Tablets tidak terbukti untuk mengurangkan risiko jangkitan virus hepatitis B. Oleh itu, langkah-langkah pencegahan jangkitan yang sesuai masih perlu diambil.

ENTECA TABLETS

Entecavir 0.5 mg and 1 mg

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Enteca Tablets boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Berikut adalah beberapa kesan-kesan sampingan yang direkodkan dan dilaporkan:

- masalah susah tidur
- sakit kepala
- pening
- rasa mengantuk yang terlampau
- loya
- cirit-birit
- senak
- muntah
- keletihan
- keradangan hati semakin teruk
- hati tidak berfungsi dengan baik
- keguguran rambut
- ruam

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers à Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Enteca Tablets

-Penyimpanan

Simpan pada suhu di bawah 30°C

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Enteca Tablets 0.5mg: Tablet berbentuk kaplet berlapis filem berwarna putih hingga hampir putih.

Enteca Tablets 1mg: Tablet berbentuk caplet berlapis filem berwarna merah jambu muda.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Entecavir

- Bahan tidak aktif

- Lactose
- Microcrystalline cellulose
- Crospovidone
- Povidone
- Magnesium stearate
- Opadry 13B84610 pink
- Opadry 13B58802 white
- Purified water

- Nombor MAL

Enteca Tablets 0.5mg:

MAL12075076AZ

Enteca Tablets 1mg:

MAL12075075AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Ranbaxy (Malaysia) Sdn. Bhd.,
a SUN PHARMA company
Lot 23, Bakar Arang Industrial Estate,
08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia

Tarikh kemas kini RiMUP

April 2026

Nombor Siri

NPRA(R2/1)260429/00053